



ICQSQS<sup>2</sup>  
2015



# REVELATION & SCIENCE

## IN THE 21<sup>ST</sup> CENTURY

Editors

—

Dr. Esam Eltigani Mohamed Ibrahim  
Dr. Raudlotul Firdaus Fatah Yasin

# **REVELATION AND SCIENCE IN THE 21<sup>ST</sup> CENTURY**

Esam Eltigani Mohamed Ibrahim  
Raudlotul Firdaus Fatah Yasin

# REVELATION AND SCIENCE IN THE 21<sup>ST</sup> CENTURY

## EDITORS

Esam Eltigani Mohamed Ibrahim  
Raudlotul Firdaus Fatah Yasin

## EDITORIAL BOARD

Prof. Dr. Israr Ahmad Khan  
Dr. Mohd Shah Jani  
Assoc. Prof. Dr. Sohirin Mohammad Solihin  
Assoc. Prof. Dr. Ismail Hj. Abdullah  
Assoc. Prof. Dr. Shayuthy Abdul Manas  
Assoc. Prof. Dr. Ammar Fadzil  
Dr. Habeeb Rahman Ibramsa  
Dr. Nadzrah Ahmad  
Dr. Nurul Jannah Zainan Nazri  
Shafiq Flynn  
Mohammad Dhiya'ul Hafidh Fatah Yasin  
Dr. Abdurezak Abdulahi Hashi

Department of Quran and Sunnah Studies  
Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences (KIRKHS)  
International Islamic University Malaysia (IIUM)  
50728 Kuala Lumpur  
Malaysia

First Edition 2015

All rights reserved. No part of the publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopying, recording, or any information storage and retrieval system, without the prior permission from the Head of Department, Department of Quran and Sunnah Studies, Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia, 50728 Kuala Lumpur.

ISBN **978-967-418-391-2**

**Published by**

IIUM Press, International Islamic University Malaysia,  
P.O. Box 10, 50728 50728 Kuala Lumpur, Malaysia  
Phone (+603) 6196-5014m Fax (+603) 6196-6298  
Website: <http://iiumpress.iium.edu.my/bookshop>

CONTENTS

Foreword

1.	Muslim Scholars And Their Role In The Psychological Treatment Of Mental Disorders -Najmah Abdallah Alzahrani	1
2.	Religiosity And Its Impact In The Formation Of Al-Qāḍī Al-Jurjānī's Literary Criticism -Dr. Laṭīfah 'Āyid 'Abd Allāh Al-Baqamī	15
3.	Stress And Coping Skills According To The Qur'ān -Mufti. Mohammad Anas Qasmi, Seyed Mahdi Mousavi	24
4.	Revelation As The Foundation Of Social Reality: A Paradigm Of Divine Constructed Reality -Jamil Farooqui	34
5.	Muslim and Non-Muslim Relationship: An Analysis of Qur'anic Provision -Israr Ahmad Khan	49
6.	A Review On The Applications Of Rukhsah In Medical Practice. - Che Anuar Che Mohamad, Rosazra Roslan, Mohd Ariff Sharifudin, Mai Nurul Ashikin Taib	61
7.	Aligning Islamic Inputs Into The Medical Imaging Practice: A Conceptual Approach Using Professional Guidelines -Zainul, I. Z.	68
8.	An Islamic Reading Of ACA Code Of Ethics: Counselling Relationship -Ahmed Hamdi Aissa	83
9.	Application Of cDNA Microarray In <i>Halal</i> Research -Faqihah Salleh, Yumi Zuhani Has-Yun Hashim, Noriah Ramli, Salleh S. Ibrahim	96
10.	Assessment Of Therapeutic Efficacies Of The Medicinal Fruits Quoted In The Qur'ān -Saad S. Dahham, Amnah A. Abood, Mohamed B. Khadeer Ahamed, Yasser M. Tabana, Muhammad Asif, Aman M.S. Abdul Majid, Amin M.S. Abdul Majid	104
11.	Beautification By Altering Female Physical Appearance: A Critical Look From The Perspective Of The Prophet's (Pbuh) Teachings -Dr. Habeeb Rahman Md. Ibramsa	116
12.	The Effect Of Global Warming On Mankind And Biodiversity: An Appraisal From The Qur'ānic Paradigm -Asmawati Muhamad, Abdul Halim Syihab	128
13.	Impact Of Colonialism To Islam In Northern Nigeria: A Case Of Qur'ānic Sciences And Arabic Language -Dr. Ishiaku Safiyanu, Dr. Inuwa Dahiru Ibrahim	139

Revelation and Science in the 21<sup>st</sup> Century

14.	Implementation Of The Islamic Input In Orthopaedics (IIIO) Undergraduate Medical Curricula And Practice: IIUM's Experience (2002-2014) -Mohd Ariff Sharifudin, Mohd Adham Shah Ayeop, Aminudin Che Ahmad.	146
15.	Integration Of The Qur'ānic Worldview With The Natural Sciences: Answering The Long Call For (Islamic) Secondary Schools -Nor Jannah Hassan	154
16.	Islamic Scientific Exegesis: An Introduction -Ahmad Yunus Mohd Noor	175
17.	Medical Ethics In A Multicultural Country: Differences In Principles And Practices Among Muslims And Buddhists -Goh Kian Liang, Mohd Ariff Sharifudin, Aminudin Che Ahmad, Nazri Mohd Yusof, Norhafiza Ab. Rahman	186
18.	Moderation In <i>Infāq</i> (Spending) In Accordance With Qur'an And Sunnah -Ibrahim Nuhu Tahir	196
19.	Scientific Criticism In The Light Of Qur'ān Views Of Modern Books Of <i>Tafsīr</i> And Contemporary Muslim Scholars -Assoc. Prof. Dr. Sohirin Mohammad Solihin, Dr. Mohd Shah Jani	206
20.	The Compatibility Of Reason And Revelation In Islam: The Qurānic Approach -Tijani Ahmad Ashimi	219
21.	The Concept Of <i>Fasād</i> In The Qur'ān And The Multiplicity Of Powers: A Socio-Political Discourse -Dr. Muhammad Yusuf Saleem	227
22.	The Creation And The Design Of The Natural Order: A Thematic Reading Of Selected Verses Of The Qur'ān - Abdurezak Abdulahi Hashi	237
23.	The Divine Guidance Of The Qur'ān On Poverty Alleviation -Ibrahim Nuhu Tahir	242
24.	The Importance Of Building In The Light Of The Qur'ān And Sunnah -Assoc. Prof. Dr. Spahic Omer	257
25.	The Motives Behind The Deception And Propaganda Used By The Elite & Political Leaders: A Qur'anic – Mass Communication Perspective -Asst. Prof. Dr. Abdulhamid Mohamed Ali Zaroum	270
26.	The Principle Of Islamic Moderation ( <i>Wasatiyyah</i> ) As Expounded In <i>Tafsir Al Azhar</i> -Nadzrah Ahmad, Ahmad Nabil Bin Amir	277
27.	The Right And Equality Of Woman In The Qur'an A Critical Study On Liberal Thought -Assoc. Prof. Dr. Layeth Suud Jassm, Dr. Mohd Shah Jani, Assoc. Prof. Dr. Sohirin Mohammad Solihin	284

Revelation and Science in the 21<sup>st</sup> Century

28.	The Role Of Islamic Religious Schools In The Arabization And Islamization Of Ibadan Land In The Modern Times: A Historical Analytical Study -Ibraheem Mikail Abiola	297
29.	The Scientific Thought In The Holy Qur'ān: An Overview On Mathematical Data -Dr. Ibrahim A. Shogar	311
30.	Woman And Youth As The Citizens Of An Islamic State: The Qur'ānic Perspective And The Current Realities -Dr Elmira Akhmetova	326
31.	Analisis Mimpi Dalam Terapi Psikoanalisis: Satu Penilaian Menurut Perspektif Al-Qur'an Dan Al-Sunnah -Mohamad Rizal Mohamed Nor, Abdul Malek Abdul Rahman, Dan Noor Hasyimah.	336
32.	Isra'iliyyat Dalam Literatur Tafsir Tradisional Dan Kontemporari Di Nusantara: Satu Perbandingan Antara Tafsir Marah Labid Dan Tafsir Al-Azhar -Ahmad Levi Fachrul Avivy, Jawiah Dakir, Dan Mazlan Ibrahim	342
33.	Isu Penyakit Dalam Pembubaran Perkahwinan Dari Sudut Pandangan Nas Syar'ie Dan Sains Perubatan Semasa: Satu Tinjauan Literatur -Abdul Bari Awang, Amilah Awang Abd Rahman, Dan Nur Hayati Mat Rusof@Mohd Yusoff	351
34.	Objektif Pelancongan Dalam Al-Qur'an -Raudlatul Firdaus Fatah Yasin Dan Mohammad Dhiya'ul Hafidh Fatah Yasin	359
35.	Pemikiran Dakwah M. Quraish Shihab -Muhammad Salman Palewai, Siti Rugayah Hj Tibek, Fariza Md Sham, Ahmad Irdha Mokhtar, Dan Sri Rahmayana Syam	369
36.	Pengajian Bidang Tafsir Di Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam: Analisis Silibus Dari Sudut Menepati Maqasid Al-Qur'an Dan Kehendak Kontemporari -Sarinah Haji Yahya, Yusfariza Yussop, Dan Artini Haji Timbang	380
37.	Penglibatan Wanita Dalam Kerjaya: Tinjauan Kepada Profesi Jururawat Dalam Sunnah -Lilly Suzana Shamsu	392
38.	Poligami Sebagai Penyelesaian Terhadap Fenomena Kahwin Lewat Di Malaysia: Analisis Dari Perspektif Qur'an Dan Sunnah -Mohd. Shah Jani, Raudlotul Firdaus Fatah Yasin, Dan Qurrotul Aien Fatah Yasin.	404
39.	Rasm Uthmānī: Isu Ejaan Perkataan Siqāyah Dan 'Imārah -Ahmad Baha' Mokhtar	418
40.	Tafsīr 'Ilmī (Sains) Dalam Tafsir Al-Azhar Karangan Hamka: Satu Analisa -Wan Helmy Shahrman Wan Ahmad, Dan Sharifah Norshah Bani Syed Bidin	426

41.	Kalimah Allah Dan Penggunaannya: Satu Analisa Terhadap Sejarah Bahasa Arab Prof. Madya Dr.Solehah Yaacob	432
-----	---	-----

Synopsys



## OBJEKTIF PELANCONGAN DALAM AL-QUR'AN

Mohammad Dhiya'ul Hafidh bin Fatah Yasin<sup>1</sup>, Raudlatul Firdaus binti Fatah Yasin<sup>2</sup>

**Abstrak:** Pelancongan Islam merupakan satu cabang industri yang berkembang pesat di seluruh dunia namun dalam masa yang sama menghadapi cabaran besar untuk menjadinya kompetitif atau bahkan pilihan utama dalam persekitaran pasaran pelancongan moden yang terbuka. Dalam meraih peluang yang lebih baik, produk-produk pelancongan Islam perlu dipelbagaikan. Dengan menggunakan metode kajian literasi terhadap teks ayat-ayat al-Qur'an dan al-Sunnah, didapati terdapat banyak objektif pelancongan yang dituntut untuk dilaksanakan oleh kaum Muslimin dan yang seterusnya berpotensi diadaptasikan sebagai produk pelancongan yang boleh dimanfaatkan semua. Jenis-jenis produk yang telah dikenal pasti ialah seperti pelancongan kesedaran, keagamaan, motivasi, pendidikan, perniagaan, politik, perubatan, alam semula jadi, geografi dan kemasyarakatan. Setiap elemen yang ditemui disenaraikan di dalam kajian ini sambil diperkuatkan dengan nas dan perbincangan yang mendukung fakta bahawa setiap daripadanya adalah merupakan tuntutan agama dan keperluan setiap jiwa.

**Kata Kunci:** Objektif Pelancongan Islam, Produk Pelancongan Islam, al-Qur'an dan Pelancongan

### Objektif Kajian

Menyenaraikan objektif-objektif pelancongan yang dinyatakan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah yang boleh diadaptasikan sebagai produk pelancongan berdaya saing.

### Metode Kajian

Kajian ini ialah kajian diskripsi kualitatif berdasarkan literasi analisis terhadap teks al-Qur'an dan al-Sunnah.

### Pendahuluan

Pelancongan Islam merupakan satu cabang industri pelancongan yang sedang rancak berkembang pesat sama ada di Negara-negara Islam, atau di Negara bukan Islam yang telah mengenal pasti potensi besar bidang ini, kesan kepada layanan yang diterima pelancong Islam di Barat pasca peristiwa 11 September. Bagaimanapun, industri ini tidak terlepas daripada menghadapi cabaran yang cukup besar untuk menjadikannya kompetitif atau pilihan utama dalam persekitaran pasaran pelancongan moden yang bersifat global. Menurut penelitian pengkaji, antara cabaran utama yang dihadapi industri ini ialah pada melibatkan persepsi-persepsi seperti berikut:

- 1) Pelancongan Islam itu hanyalah untuk umat Islam.
- 2) Pelancongan Islam itu hanyalah Pelancongan Keagamaan, iaitu ke tempat-tempat ibadah, dan ia membosankan.
- 3) Pelancongan Islam itu berkisar pada makanan halal semasa trip, dan tidak terlibat dengan aktiviti maksiat.
- 4) Pembangunan produk Pelancongan Islam adalah semata-mata menggunakan akal dan kajian konvensional ala Barat.

Menurut pengkaji, cabaran yang paling besar ialah cabaran terakhir, kerana ia telah menyetepikan sumber paling asas dalam agama Islam iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah, yang dibimbangi akibatnya akan membawa halatuju industri ini tersasar daripada landasan Islam itu sendiri.

Kajian ini berusaha untuk memberi sumbangan idea kepada tiga kumpulan sasaran:

---

<sup>1</sup> Calon PhD Pengajian Qur'an dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak. Emel: dhiyahafiz@gmail.com.

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Qur'an dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak. Emel: rawda73@gmail.com.

- 1) Masyarakat umum: Dalam memudahkan masyarakat awam memahami objektif-objektif pelancongan yang dianjurkan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah dan seterusnya memilih produk pelancongan yang berseuaian.
- 2) Pemain industri (*stakeholders*): Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap pelbagai garis panduan pelancongan Islam sedia ada yang digariskan oleh pelbagai pihak berautoriti seperti panduan ITC:2014: *Muslim Friendly Hospitality Services* yang dikeluarkan oleh *Islamic Tourism Centre* di bawah Kementerian Pelancongan Malaysia; IHIA 1100:2012: *Muslim Friendly Hospitality Services* yang dikeluarkan oleh *ICCI-IHI Alliance Halal Standard* di bawah *Islamic Chamber of Commerce & Industry*, MS 1900:2014 *Shariah-based Quality Management Systems – Requirements with Guidance* yang dikeluarkan oleh *Department of Standard Malaysia* (DM) di bawah SIRIM, bahkan beberapa kertas kajian berkaitan, pengkaji mendapati sudut objektif pelancongan ini kurang dititik-beratkan berbanding sudut teknikal. Melalui kajian ini, pengkaji berharap ia dapat menarik minat para pengkaji lain termasuk pihak-pihak berautoriti dalam bidang ini untuk memberi lebih perhatian terhadap sumber asal perundangan Islam iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah, dan dalam masa yang sama mengguna-pakai kepakaran yang dimiliki oleh sebarang institusi atau individu dalam pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah.
- 3) Bidang pengajian al-Qur'an dari dua sudut: Sudut pertama ialah pemeraksanaan tafsir al-Qur'an berkaitan bidang interpretasi al-Qur'an berdasarkan topic (*Tafsīr al-Mawdū'ī*), dan pelancongan adalah salah satu topik yang tidak sepatutnya terkecuali. Sudut kedua pula ialah melebarkan ufuk Pengajian Qur'an dan Sunnah secara umum dan ke dalam bidang pelancongan secara khusus.

Untuk menghasilkan senarai objektif yang realistik, objektif yang dipilih dipastikan agar tidak terkeluar daripada definisi pelancongan terakhir yang diisukan oleh Badan Pelancongan Dunia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNWTO) seperti berikut, “Pelancongan ialah aktiviti manusia mengembara dan tinggal di luar kawasan kebiasaan mereka tidak melebihi satu tahun secara berterusan untuk bercuti, perniagaan atau tujuan yang lain”<sup>1</sup>. Elemen utama dalam definisi ini ialah jenis pelancongan tersebut hendaklah sesuatu yang secara normalnya pelancong berkaitan akan pulang dengan selamat. Di sini bererti pelancongan berisiko seperti Pelancongan Jihad terkeluar daripada skop kajian. Elemen kedua pula ialah pelancong terkait dijangka pulang ke kampung halaman dalam tempoh setahun, dimana di sini Pelancongan Hijrah terkeluar daripada skop kajian.

### **Keutamaan Pelancongan Menurut al-Qur'an**

Allah ﷻ berfirman, “Dia telah menjadikan bumi ini patuh kepadamu (wahai manusia), maka berjalanlah kamu di atas muka buminya dan makanlah daripada rezeki kurniaanNya” [*al-Mulk*: 15];

Dan “Allahlah yang telah menjadikan untuk kamu haiwan ternakan untuk kamu tunggang, makan dan mengambil pelbagai manfaat lain termasuk membawa kamu ke tempat yang kamu hajati dalam hati kamu. Di atas mereka (haiwan tunggangan) dan kapal kamu dibawa” [*Ghāfir*: 79-80].

Dan,

“Dialah yang menjalankan kamu di darat mahupun di laut” [*Yūnus*: 22].

Dan,

“Apakah tidak mereka berjalan di muka bumi, semoga dengan itu mereka memiliki hati yang mahu berfikir atau telinga yang mahu mendengar (kebenaran), kerana sesungguhnya yang demikian itu (penentangan mereka terhadap kebenaran) bukan disebabkan buta mata, tetapi sebaliknya disebabkan oleh buta hati yang di dalam dada” [*al-Haj*: 46];

Allah ﷻ telah menundukkan makhluk termasuk bumi ini untuk dan kepada manusia, lalu Dia menyuruh mereka mengeksplorasinya agar mereka beroleh manfaat daripada eksplorasi itu. Apabila

<sup>1</sup> UNWTO, *Technical Manual No. 2, Collection of Tourism Expenditure Statistics, 1995*.

Allah menyuruh para hambaNya melakukan sesuatu perkara, maka sudah tentu Dia juga telah memberi panduan kepada mereka agar mereka mengikutinya.

Maha Suci Allah yang berfirman, “Dan kami turunkan ke atasmu (wahai Muhammad) kitab (Qur’an) itu yang padanya terdapat penjelasan dalam setiap perkara. Ia adalah petunjuk, rahmat dan berita gembira kepada Muslimin” [*al-Nahl*: 89].

### Niat/ Objektif Teras Penstrukturan Pelancongan Islam

Dalam merancang produk pelancongan Islam, aspek menetapkan objektif pelancongan adalah elemen yang paling asas dan utama. Kedudukan menetapkan objektif adalah ‘niat’ yang merupakan pokok pangkal paling utama dalam menentukan sesuatu amalan atau konsep itu menurut panduan wahyu samawi atau pun tidak. Dalilnya ialah hadis nabawi, “Semua amalan itu adalah dengan niat, dan setiap orang akan mendapat ganjaran berdasarkan apa yang diniatkannya”<sup>1</sup>.

Hadis ini membawa beberapa sudut pemahaman yang boleh dikaitkan seperti berikut:

- 1) Setiap gerak kerja itu hendaklah didasari dengan niat/ objektif.
- 2) Syarat kejayaan dan kelancaran sesuatu gerak kerja itu adalah apabila ia selari dengan niat/ objektif.
- 3) Usaha yang sama skalanya boleh memberi pulangan yang berbeza dikeranakan oleh niat/ objektif yang berbeza.

Imam Syāfi‘ī, Aḥmad, Ibnu Mahdi, ‘Ali bin al-Madīnī, dan ramai ulama’ lain mengatakan hadis ini adalah sepertiga Islam, dan ada juga yang mengatakannya sebagai seperempat Islam<sup>2</sup>. Ini jelas menunjukkan menetapkan objektif pelancongan itu adalah sepertiga atau seperempat daripada Pelancongan Islam itu sendiri.

### Pelancongan Kesedaran

Al-Qur’an memberi isyarat dalam perkara ini dalam ayat-ayat dimana Allah ﷻ menyuruh manusia mengembara dan melancong. Allah ﷻ berfirman, “Apakah tidak mereka itu berjalan di muka bumi sambil mereka menyaksikan kesan peninggalan umat-umat sebelum mereka?” [*Yūsuf*: 109; *Ghāfir*: 21 & 82; *al-Rūm*: 9; *Fāṭir*: 44; *Muḥammad*: 10];

Dan, “Bermusafirlah kamu di atas muka bumi dan lihatlah apakah penghujung manusia-manusia yang mendustakan (para rasul Allah)” [*Āli ‘Imrān*: 137; *al-‘An‘ām*: 11; *al-Nahl*: 136];

Dan, “Bermusafirlah kamu di atas muka bumi dan lihatlah apakah penghujung manusia-manusia yang berdosa” [*al-Naml*: 69];

Dan, “Bermusafirlah kamu di atas muka bumi dan lihatlah (nasib) umat-umat sebelum ini, kebanyakan mereka itu adalah musyrikin” [*al-Rūm*: 42].

Antara hikmah paling utama sesuatu arahan itu disampaikan berulang kali tidak lain kerana keutamaan perkara tersebut. Antara peninggalan umat-umat tersebut yang dapat disaksikan ialah:

- 1) Wadi al-Aḥqaf yang terletak di satu perempat Arab Saudi di bahagian tenggara, yang dikenali dengan nama Rub‘ al-Khālī. Tempat ini dahulunya ialah pemukiman Kaum ‘Ād, umat Nabi Hud a.s. yang dikurniakan Allah dengan kekuatan fizikal terkuat dimiliki manusia. Kini ia adalah padang pasir tandus yang tidak dapat didiami manusia<sup>3</sup>. Bagaimanapun, kini terdapat usaha carigali arkeologi di tempat ini.
- 2) Kota Mada’in yang terletak 400km di Utara Madinah, Arab Saudi. Dahulu, ia adalah penempatan Kaum Tsamud, umat Nabi Soleh a.s.<sup>4</sup>. Peninggalan mereka ialah kota yang penuh dengan istana, rumah, dewan, perkuburan, perpustakaan, dan lain-lain yang dipahat dengan begitu gagah di dalam bukit-bukit berbatu pejal.

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, jil. 1, m.s. 6, no. 1; dan Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, jil. 3, m.s. 1515, no. 1907.

<sup>2</sup> Ibnu Hajar, *Fath al-Bārī*, jil. 1, m.s. 11; al-‘Ainī, *‘Umdah al-Qārī*, jil. 1, m.s. 299.

<sup>3</sup> Abu Khalil, *Atlas al-Qur’an*, m.s. 30.

<sup>4</sup> Ibid, m.s. 34.

- 3) Kota ‘Ūr di Iraq, yang mana di sana terdapat banyak peninggalan arkeologi tamadun Babylon, tamadun teragung manusia pada zamannya, yang telah menghalau keluar Nabi Ibrahim a.s. dari tanah kelahirannya<sup>1</sup>.
- 4) Laut Mati, Jordan/Palestin, yang merupakan lokasi Kota Sadum, umat Nabi Lut a.s., yang memperkenalkan budaya sodomi atau liwat. Kini, tiada yang berbaki melainkan air yang terlalu masin sehingga ikan-ikan pun tidak dapat hidup di dalamnya<sup>2</sup>.
- 5) Wadi al-Aikah, di Tabuk, Arab Saudi, yang dahulunya merupakan penempatan Kaum Madyan yang terkenal dengan penipuan dalam perniagaan, umat Nabi Shu‘aib a.s.<sup>3</sup>
- 6) Muzium Kaherah, yang padanya terdapat jasad Fir‘awn. Tentang jasad ini Allah dengan jelas menjelaskan sebab kenapa kesan ini dan kesan-kesan umat lain ditinggalkan, iaitu untuk diambil pengajaran oleh generasi berikutnya. Allah berfirman, “Pada hari ini kami selamatkan jasadmu (wahai Fir‘awn) supaya ia menjadi pengajaran kepada orang yang datang selepasmu. Namun majoriti manusia lalai terhadap tanda-tanda (kekuasaan) Kami” [Yūnus: 92].

Jika proses mengambil pengajaran ini tidak berlaku, sama ada kerana kelalaian atau kerana telah kerap melalui tempat tersebut, maka sebaiknya pemergian ke destinasi tersebut dielakkan kerana disebut dalam hadith Ibnu Umar r.a., “Kami bersama Rasulullah ﷺ melalui al-Hijr (tempat Kaum Thamūd) dimana baginda bersabda, “Janganlah kamu masuk ke tempat-tempat golongan yang telah menzalimi diri mereka sendiri melainkan kamu menangis kerana bimbang apa yang menimpa mereka akan menimpa kamu (sama ada azab atau laksaan lalai itu sendiri)”. Baginda lalu mempercepat sehingga meninggalkan tempat tersebut”<sup>4</sup>. Jika baginda mempercepatkan kenderaan semasa melalui kawasan berkenaan kerana terpaksa, maka apatah lagi hukum menziarahi tempat tersebut bukan dengan tujuan mengambil pengajaran seperti yang disebut dalam nas-nas al-Qur’an di atas, pastilah ia lebih wajar dielakkan.

Nas-nas penghujahan ini turut boleh digunakan untuk menilai sektor Pelancongan ke Destinasi Hitam (*Dark Tourims*) moden seperti kawasan-kawasan peninggalan perang berupa terowong sulit, penjara, kawasan pelarian, bahkan kawasan malapetaka semula jadi seperti banjir besar, tsunami, letusan gunung berapi, gempa bumi dan sebagainya. Jika ke tempat kuno tersebut bertujuan untuk memberi kesedaran terhadap kekuasaan Allah, maka yang baru ini untuk memberi kesedaran tentang nikmat Islam yang mengajarkan keselamatan dan Iman yang membawa keamanan.

### **Pelancongan Keagamaan (*Religious Tourism*)**

Seperti haji dan umrah yang diwajibkan menurut firman Allah, “Maka sempurnakanlah haji dan umrah itu Allah” [al-Baqarah:196], dan dalam hadith Jibril menurut lafaz Ibnu Khuzaimah dimana Rasulullah s.a.w. bersabda, “Islam itu (rukunnya ialah) engkau bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah, engkau mendirikan solat, menunaikan zakat, berhaji dan berumrah di al-Bait (Kaabah), mandi junub, menyempurnakan wudhu’ dan berpuasa di bulan Ramadhan”<sup>5</sup>.

Allah s.w.t. mewajibkan haji dan umrah, dalam keadaan kedua-dua kewajipan ini tidak dapat dikerjakan melainkan dengan pergi ke Mekah al-Mukarramah, maka dengan itu nyatalah bahawa haji dan umrah adalah antara objektif trip pelancongan yang disebut dalam Qur’an.

Sebagai tambahan, mengerjakan haji dan umrah juga adalah setaraf dengan jihad bersenjata untuk golongan yang tidak mampu melakukan perkara tersebut seperti wanita, kanak-kanak, orang tua atau kerana ketiadaan ruang yang *syar‘ī*. Ini termaktub dalam hadis daripada Abu Hurairah r.a.

<sup>1</sup> Ibid, m.s. 42.

<sup>2</sup> Ibid, m.s. 58.

<sup>3</sup> Ibid, m.s. 72.

<sup>4</sup> Riwayat al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, jil. 6, m.s. 7, no. 4419; Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, jil. 4, m.s. 2286, no. 2980.

<sup>5</sup> Riwayat Ibnu Khuzaimah, *Ṣaḥīḥ Ibnu Khuzaimah*, jil. 1, m.s. 46, no. 2. Dihukum *ṣaḥīḥ* oleh Ibnu al-Mulaqqin, *Tuḥfah al-Muḥtāj*, jil. 2, m.s. 128.

yang berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, “Jihad bagi orang tua, kanak-kanak, orang yang lemah dan wanita ialah haji dan umrah”<sup>1</sup>.

Bahkan lebih lagi, ia juga adalah jihad bagi lelaki dewasa yang zahirnya mampu dan berpeluang, tetapi pengecut dan mempunyai fizikal yang tidak kuat berdasarkan hadis daripada Hasan bin Ali RA yang berkata, “Seorang lelaki datang kepada Rasulullah ﷺ dan berkata: Aku pengecut, dan aku lemah. Baginda menjawab: Marilah menuju jihad yang tiada durinya, iaitu haji”<sup>2</sup>.

Termasuk dalam Pelancongan Ibadah ialah menziarahi dan bersolat di masjid-masjid yang disebut keistimewaanannya oleh Rasulullah ﷺ seperti Masjid al-Haram di Mekah, Masjid al-Nabawi di Madinah, Masjid al-Aqsa di Palestin, dan Masjid Quba’ juga di Madinah.

Pada tiga masjid pertama tadi, Rasulullah ﷺ bersabda, “Janganlah kamu bersusah-payah untuk bermusafir melainkan ke tiga buah masjid, masjidku ini, Masjid al-Haram dan Masjid al-Aqsa”<sup>3</sup>;

Untuk dua yang pertama baginda bersabda, “Solat di masjidku ini lebih baik daripada seribu solat di masjid selainnya kecuali Masjid al-Haram dan satu solat di Masjid al-Haram lebih baik daripada seratus ribu solat di masjid selainnya”<sup>4</sup>.

Untuk Masjid al-Aqsa, Rasulullah ﷺ bersabda, “Satu solat di masjidku lebih baik daripada empat solat padanya”<sup>5</sup>. Hadis ini bererti solat di Masjid al-Aqsa seperti dua ratus lima puluh solat di masjid lain.

Untuk Masjid Quba’ pula, baginda bersabda, “Barangsiapa yang berwudhu’ di rumahnya kemudian datang ke Masjid Quba’ dan bersolat di dalamnya satu solat, maka baginya pahala sekali umrah”<sup>6</sup>.

### Pelancongan Motivasi

Iaitu untuk menguatkan semangat atau memulihkan semangat yang hilang. Intipati pelancongan ini terkandung dalam kisah al-Isrā’ dan al-Mi‘raj yang apabila dinilai daripada rentetan peristiwa yang berlaku sebelumnya, akan jelas bahawa rehlah ini adalah untuk memotivasikan Rasulullah ﷺ.

Peristiwa al-Isrā’ dan al-Mi‘raj berlaku pada tahun kesepuluh kenabian yang dinamakan “Tahun Dukacita”<sup>7</sup> kerana penuh dengan peristiwa yang menyedihkan Rasulullah ﷺ di mana Bani Hashim dan Bani Muttalib hidup terseksa selama tiga tahun kerana boikot Quraish<sup>8</sup>. Tiga bulan selepas mereka keluar, berlaku pula kematian ayah saudara yang menjadi pelindungnya, Abu Talib pada bulan Rejab, dan diikuti pula dengan kematian pendamping paling setia baginda, isteri baginda, Khadijah binti Khuwailid yang berlaku tiga bulan kemudian di bulan Ramadhan<sup>9</sup>.

Dalam perjalanan itu, Allah perlihatkan kepadanya tanda-tanda kekuasaanNya, berupa sebahagian siksa neraka dan nikmat syurga, agar baginda semakin bermotivasi untuk berdakwah mengajak manusia masuk ke dalam syurgaNya, dan menyelamatkan mereka daripada menerima azab siksaan-Nya yang pedih, kekal abadi, di neraka. Baginda juga ditemukan dengan para pendahulu baginda dari kalangan para rasul Allah, sehingga akhirnya ditemukan dengan Allah ﷻ sendiri. Perkara ini disebut dalam firmanNya, “Maha suci Tuhan yang memperjalankan hambaNya dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa yang diberkati sekitarnya untuk menunjukkan kepadanya sebahagian tanda-tanda kekuasaan Kami” [*al-Isrā’*: 1].

<sup>1</sup> Riwayat al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, jil. 3, m.s. 113, no. 2626. Dihukum sebagai *hasan* oleh Ibnu al-Mulaqqin, *al-Badr al-Munir*, jil. 9, m.s. 38.

<sup>2</sup> Riwayat al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Ausat*, jil. 4, m.s. 309, no. 4287. Disebut dengan isnadnya *jayyid* oleh Ibnu al-Mulaqqin, *al-Badr al-Munir*, jil. 9, m.s. 37.

<sup>3</sup> Riwayat al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, jil. 2, m.s. 60, no. 1188; dan Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, jil. 2, m.s. 104, no. 1397.

<sup>4</sup> Riwayat Ibnu Majah, *Sunan Ibnu Mājah*, jil. 1, m.s. 451, no. 1406; dan Ahmad, *Musnad Ahmad*, jil. 23, m.s. 46, no. 14694. Dihukum *ṣaḥīḥ* oleh Ibnu Hajar, *al-Talkhīṣ al-Ḥabīr*, jil. 4, m.s. 439, no. 2069.

<sup>5</sup> Riwayat Hakim, *al-Mustadrak*, jil. 4, m.s. 554, no. 8553, diṣaḥīḥkan olehnya dan al-Albani, *Silsilah al-Āḥādīth al-Ṣaḥīḥah*, jil. 6, m.s. 954-955, no. 2903.

<sup>6</sup> Riwayat Ibnu Majah, *Sunan Ibnu Mājah*, jil. 1, m.s. 453, no. 1412. Dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albani, *Silsilah al-Āḥādīth al-Ṣaḥīḥah*, jil. 7, m.s. 1312, no. 3446.

<sup>7</sup> Al-Mubārakfūrī, *al-Raḥīq al-Makhtūm*, m.s. 115.

<sup>8</sup> Ibid, m.s. 109-112.

<sup>9</sup> Ibid, m.s. 115.

### **Pelancongan Pendidikan (*Educational Tourism/ Edu-tourism*)**

Iaitu untuk mencari ilmu, guru dan iman. Tiga perkara ini saling berangkai. Contoh untuk kategori ini ialah seperti kisah Nabi Musa a.s. dan Nabi Khidir a.s. seperti yang terkandung dalam Surah al-Kahf, ayat 60-82. Di dalam sunnah pula, koleksi kisah lawatan utusan-utusan kabilah Arab (*wufūd*) menemui Rasulullah ﷺ merupakan catatan yang sangat nyata.

Rehlah ahli-ahli hadith pada zaman dahulu, bahkan pelajar-pelajar di zaman moden yang meninggalkan kampong halaman mereka untuk belajar di tempat lain, semuanya termasuk dalam kategori ini.

Cukuplah hadis ini, “Barangsiapa melalui satu jalan untuk mencari ilmu, nescaya Allah akan mudahkan jalannya menuju syurga. Sesungguhnya para malaikat akan merendahkan sayapnya kepada para penuntut ilmu, redha dengan apa yang mereka lakukan”<sup>1</sup> untuk menggambarkan kemuliaan Pelancongan Pendidikan menurut Islam.

Beza Pelancongan Kesedaran dengan Pelancongan Pendidikan ialah Pelancongan Kesedaran menuju ke destinasi tertentu untuk menyaksikan dengan pancaindera sendiri, apa yang telah diketahui, untuk manfaat rohani sendiri. Manakala Pelancongan Pendidikan ialah untuk mendapatkan ilmu baru yang sebelum ini belum diketahui, atau lebih ke arah manfaat dari segi akademik.

### **Pelancongan Perniagaan (*Business Tourism*)**

Untuk pelancongan rezeki melalui perniagaan, contoh yang cukup jelas adalah dalam firman Allah, “Aku bersumpah demi karavan bermusim (*‘ilāf*) Quraish. Mereka berkaravan pada musim sejuk dan panas” [Quraish:1-2].

Allah ﷻ tidak bersumpah dalam al-Qur’an melainkan dalam perkara yang dianggap besar dan dihormati oleh manusia. Menurut Dr. Akram Diyā’ al-‘Umarī, perniagaan karavan bermusim Quraish adalah satu sistem yang diperkenalkan oleh moyang Rasulullah ﷺ iaitu Hāshim bin ‘Abd al-Manāf. Karavan ini telah memainkan peranan yang sungguh signifikan pada zaman jahiliyyah, dimana mereka berfungsi sebagai mediator utama di antara dua kuasa terbesar dunia ketika itu, Rom dan Parsi, kerajaan dan komuniti. Ini kerana kedua-dua kerajaan itu mempunyai hubungan politik dan perkauman yang sangat tegang diantara mereka tetapi dari sudut perdagangan dan kepenggunaan tetap saling memerlukan antara satu sama lain. Status berkecuali Quraish telah mengizinkan mereka memainkan peranan tersebut dan seterusnya menjadi satu kuasa perdagangan besar walaupun sebenarnya mereka adalah kelompok yang sangat kecil dari segi kuantiti pada zaman itu<sup>2</sup>.

### **Pelancongan Politik (*Political Tourism*)**

Pelancongan politik boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu politik dalaman dan luaran. Adapun politik dalaman, ia berbentuk lawatan pemimpin ke negeri-negeri di bawah kekuasaannya. Bentuk ini dimanifestasikan oleh Nabi Sulaiman seperti dalam kisahnya bersama koloni semut dalam Surah al-Naml, ayat 17-19. Kisah ini turut memberi isyarat bahawa seorang pemimpin yang berjaya dan bertanggungjawab mempunyai ciri selalu keluar meninggalkan istana dan pejabat pentadbirannya untuk menziarahi rakyat. Kisah lawatan Umar bin al-Khattab ke Palestin juga boleh dimasukkan dalam bab ini. Manakala untuk politik luaran pula, kisah Balqis dan Nabi Sulaiman dalam Surah al-Naml ayat 21-44 sesuai dijadikan contoh.

### **Pelancongan Perubatan (*Medical Tourism*)**

Al-Qur’an menyebut, “Dan Tuhanmu telah mewahyukan kepada lebah-lebah “Jadikanlah bukit-bukau, pokok-pokok dan tempat-tempat yang manusia sediakan sebagai rumah. Kemudian makanlah dari setiap jenis buah dan ikutlah jalan yang Tuhanmu tetapkan buatmu ini dengan

---

<sup>1</sup> Riwayat Abu Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, jil. 3, m.s. 317, no. 3641; Tirmizi, *Sunan al-Tirmidhī*, jil. 5, m.s. 28, no. 2646; Ibnu Majah, *Sunan Ibnu Mājah*, jil. 1, m.s. 81, no. 233; Ahmad, *Musnad Ahmad*, jil. 41, m.s. 66, no. 8316.

<sup>2</sup> Al-‘Umarī, *al-Sīrah al-Nabawīyyah al-Ṣaḥīḥah*, m.s. 76-77.

patuh”. Maka keluarlah daripada perut mereka cecair pelbagai warna yang di dalamnya terdapat ubat buat manusia” [*al-Nahl*: 68-69].

Umum mengetahui bahawa madu lebah itu bukan boleh diperoleh di semua tempat. Secara alami, seseorang yang ingin mendapatkannya perlu melancong ke kawasan bukit bukau, hutan rimba atau sekurang-kurangnya kawasan ternakan lebah untuk mendapatkan madu tersebut, yang mana pemergian ke semua tempat tersebut melibatkan aktiviti pelancongan.

Tuntutan mendapatkan ubat ini pula, termasuk madu, terkandung dalam keumuman ayat, “Dan janganlah kamu campakkan diri kamu ke dalam kebinasaan” [*al-Baqarah*:195], dan hadis, “Berubatlah kamu kerana Allah tidak menjadikan sesuatu penyakit melainkan Dia turut menjadikan baginya ada penawar”<sup>1</sup>. Dengan kombinasi gabungan nas-nas ini, jelaslah bahawa Pelancongan Perubatan adalah salah satu objektif pelancongan yang disebut oleh al-Qur’an.

Pelancongan perubatan ini sebenarnya boleh dibahagikan kepada dua objektif kecil di bawahnya, iaitu objektif berubat, dan objektif mengubati. Adapun untuk objektif kecil pertama, dalil yang diutarakan dalam tiga perenggan ke atas cukup memberi gambaran jalan tentang pensyari’atan perkara tersebut.

Manakala untuk objektif kecil kedua, maka semua nas yang menganjurkan untuk membantu sesama manusia, secara direktif atau tidak, adalah sumber yang melakar tuntutan perkara tersebut. Nabi Isa a.s., disebut dalam beberapa lokasi di dalam al-Qur’an sebagai sering membantu mengubati orang termasuk yang buta dan sopak seperti dalam Surah Āli ‘Imrān ayat 49 dan al-Mā’idah ayat 110.

Jika dilihat dengan lebih lanjut, Nabi Isa a.s. turut digelar dalam al-Qur’an sebagai *al-Masīh* (Āli ‘Imrān: 45; al-Nisā’: 157, 171, 172; al-Mā’idah:17, 72, 75, al-Tawbah:30) yang jika diterjemah secara literal boleh dimaksudkan sebagai pelancong (orang yang banyak berpergian<sup>2</sup>). Apabila al-Qur’an menjelaskan bahawa melancong untuk mengubati orang ini adalah tugas seorang nabi iaitu Nabi Isa a.s., ini boleh diadaptasi sebagai tugas yang perlu diteruskan oleh para pewarisnya iaitu para ilmuan, berdasarkan hadis, “Sesungguhnya orang berilmu itu adalah pewaris para nabi”<sup>3</sup>. Mereka bukan senang-senang sahaja mewarisi ilmu kemuliaan para nabi teori, tetapi lebih utama ialah mereka mewarisi tugas-tugas para nabi, atau menunaikan ilmu teorotikal tersebut dalam bentuk praktikal amali.

### **Pelancongan Menikmati Alam Semula Jadi (*Nature Tourism/ Ecotourism*)**

Objektif ini dibina berdasarkan pelbagai ayat dalam al-Qur’an yang menyuruh manusia menjelajah alam ini untuk melihat kekuasaan Allah di darat mahupun di laut. Di antara ayat yang ketara ialah, “Dia mengatur dua lautan itu bertemu, di antara mereka ada batasan yang masing-masing tidak akan melampauinya” [*al-Rahmān*: 19-20]. Telah dimaklumi bahawa pertemuan dua laut ini tidak dapat ditemui di semua tempat, maka dengan itu melancong untuk melihatnya menjadi satu tuntutan. Begitu juga semua ayat yang menyentuh dengan lautan dan kapal, maka di situ jelas sekurang-kurangnya manusia perlu ke pantai dan laut untuk menyaksikan perkara tersebut.

### **Pelancongan Ke Geografi Asing (*Geographical Tourism/ Geotourism*)**

Perbezaan antara pelancongan ini dengan yang sebelumnya ialah pelancongan menikmati alam semula jadi ini membawa manusia untuk berinteraksi dengan alam semula jadi sahaja, dan bukan manusia. Manakala ke geografi asing ini turut memerlukan seseorang pelancong itu berinteraksi dengan komuniti manusia di tempat yang dilawatinya.

Teks Qur’an yang paling direktif dalam bab ini ialah berkenaan kisah Zulkarnain yang menjelajah ke Barat hingga ke air hitam, ke Timur hingga ke kawasan manusia yang belum

<sup>1</sup> Riwayat Abu Daud, *Sunan Abī Dāwūd*, jil. 4, m.s. 3, no. 3855; Tirmizi, *Sunan al-Tirmidhī*, jil. 4, m.s. 383, no. 2038; Ibnu Majah, *Sunan Ibnu Mājah*, jil. 2, m.s. 1138, no. 3436; Ahmad, *Musnad Ahmad*, jil. 30, m.s. 394, no. 18454. Dihukum *ṣaḥīḥ* oleh Ibnu al-Mulaqqin, *Tuḥfah al-Muḥtāj*, bil. 2, m.s. 8, no. 846; dan al-Albani, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah*, jil. 4, m.s. 207-208, no. 1650.

<sup>2</sup> Al-Jauhari, *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ*, jil. 1, m.s. 249; al-Fairūz Ābādī, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, m.s. 225.

<sup>3</sup> Riwayat al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, jil. 1, m.s. 24, no. 68.

bertamadun sama sekali sehingga tidak tahu membina rumah, dan kemudian sehingga ke kawasan perbukitan yang mempunyai makhluk aneh (Ya'jūj Ma'jūj) yang mengganggu manusia, dalam Surah al-Kahfi ayat 83-98.

Ayat lain yang boleh diguna juga ialah seperti ayat sumpah berkaitan tempat seperti “(Aku bersumpah) Demi Tūr Sīnīn, dan demi Negeri yang aman ini (Mekah)” [*al-Tūr*: 2-3]. Ayat ini telah menjadi dorongan kepada ramai manusia untuk menziarahi Bukit Tur di Semenanjung Sinai.

Untuk perbincangan yang lanjut menggunakan pemahaman di atas, Allah ﷻ juga telah bersumpah dengan bulan, bintang, matahari, komet mahupun cakerawala, dan sekarang sedang rancang usaha untuk memperkenalkan bidang pelancongan baru, iaitu pelancongan ke angkasa raya (*space tourism*)<sup>1</sup>.

### **Pelancongan Kemasyarakatan (*Social Tourims*)**

Ayat yang terbaik untuk difahami dalam konteks ini ialah ayat, “Wahai manusia, Kami telah ciptakan kamu lelaki dan perempuan, dan Kami jadikan pula kamu pelbagai masyarakat dan keturunan, supaya kamu saling bersuai kenal” [*al-Hujurat*: 13].

Kefahaman daripada ayat ini ialah memandangkan sesuatu masyarakat itu tidak akan dapat menjalinkan hubungan perkenalan dan diplomasi dengan masyarakat lain melainkan dengan berlakunya aktiviti pelancongan (keluar dari negeri kediaman sendiri) sesama mereka, maka dengan itu dapat difahami bahawa pelancongan politik ini adalah sangat dituntut dalam al-Qur'an. Ini kerana lafaz “saling bersuai kenal” (*li ta'āraf*) itu menggunakan *ṣighah fi'l muḍari' bi lam al-amr* yang bermaksud arahan, maka hukum asalnya adalah wajib sehingga adanya dalil yang menafikan kewajibannya.

Dan sekiranya kita mengatakan tiadanya atau lemahnya dalil yang menafikan kewajipan itu di hadapan dalil-dalil yang menyokong, terutama seperti hadith “Tiada kelebihan bangsa Arab melebihi bukan Arab, atau bukan Arab melebihi Arab, atau yang berkulit merah melebihi yang berkulit hitam, atau yang berkulit hitam melebihi yang berkulit merah”<sup>2</sup>, yang mana interaksi antara mereka semua tidak berlaku melainkan dengan wujudnya pelancongan yang kemudiannya boleh bertukar kepada perpindahan, maka ini secara ringkasnya boleh membawa kepada wajibnya Pelancongan Politik yang dilakukan dengan motif untuk bersuai kenal dengan bangsa dan kaum lain menurut al-Qur'an. Ini adalah berdasarkan aplikasi kaedah usul fiqh *mā lā yatim al-wājib illā bih, fahuwa wājib* (sesuatu yang menjadi syarat pelengkap kepada satu perkara wajib, maka sesuatu itu juga adalah wajib).

Program pertukaran pelajar yang dilakukan hampir semua institut pengajian tinggi di dunia juga boleh dimasukkan dalam kategori ini. Bahkan, kisah Zulkarnain yang mengatur pentadbiran dan mengatasi jenayah yang dihadapi komuniti destinasi pertama, membantu mengajar membuat rumah di destinasi kedua, dan membina tembok kepongungan daripada serangan makhluk ganas Ya'juj dan Ma'juj di tempat ketiga, seperti yang disebut sebelumnya, sesuai dimasukkan dalam kategori ini.

Program pelancongan yang membawa pelancong ke rumah orang tua, rumah anak yatim, kawasan miskin dan sebagainya boleh dikategorikan dalam bab ini. Perbuatan aktivis Malaysia yang rancang ke Pantai Timur membantu mangsa banjir pada penghujung 2014, berintipatikan kisah Zulkarnain seperti yang disebut.

### **Kesimpulan dan Cadangan:**

- 1) Pelancongan adalah salah satu sisi kehidupan dan keperluan manusia yang tidak diabaikan oleh Al-Qur'an yang telah mengajarkan tentang kepentingan, serta panduan objektif dan produk pelancongan.
- 2) Objektif utama pelancongan dalam Islam ialah untuk membuka fikiran manusia.

<sup>1</sup> *Sinar Harian*, 14 Oktober 2014; *Utusan Online*, 25 November 2013.

<sup>2</sup> Riwayat Ahmad, *Musnad Ahmad*, jil. 38, m.s. 474, no. 23489. Dihukum ṣahīḥ oleh al-Albani, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣahīḥah*, jil. 6, m.s. 449, no. 2700.



- 3) Objektif pelancongan lain dalam al-Qur'an yang disenarai dalam kertas kajian ini ialah yang bermotifkan kesedaran, keagamaan, motivasi, pendidikan, perniagaan, politik, perubatan, alam semula jadi, geografi dan kemasyarakatan.
- 4) Semua objektif-objektif tersebut berpotensi untuk dijadikan produk Pelancongan Islam.
- 5) Pemasyhuran/ pengiklanan tentang objektif dan produk pelancongan berkenaan adalah penting untuk memperkasakan konsep Pelancongan Islam.
- 6) Nas-nas dalam al-Qur'an majoritinya disebut secara dinamik supaya boleh diaplikasikan setiap situasi dan era, termasuk dalam memahami sektor-sektor pelancongan baru seperti pelancongan ke kawasan peninggalan perang, ke angkasa, program pertukaran pelajar dan sebagainya.
- 7) Pihak berkaitan (*stakeholders*) perlu memberi lebih perhatian kepada pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah untuk membantu memperkasakan bidang Pelancongan Islam ini.
- 8) *Stakeholders* dalam semua industri yang sedang mengalami proses Islamisasi perlu melakukan perkara yang sama.

### Senarai Rujukan

1. Abu Daud, Sulaimān bin al-'Ash'ath al-Azdā al-Sijistānī, *Sunan Abi Daud*, semakan Muhammad Muhyiddīn bin 'Abd al-Ḥamīd, (Beirut: Maktabah al-'Asriyyah).
2. Abū Khalīl, Shauqī, *Atlas al-Qur'ān, Amākin, Aqwām, A'lām*, (Beirut/ Damascus: Dār al-Fikr, cetakan kedua, 1423H/ 2001).
3. Ahmad, bin Muhammad bin Ḥanbal Abū 'Abdillah al-Shaibānī, *Musnad Aḥmad*, semakan Shu'aib al-Arna'ūt, 'Ādil Murshid dan lain-lain, (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1421H/2001).
4. Al-'Ainī, Maḥmūd bin Aḥmad Abū Muhammad al-Ghītābī al-Ḥanafī, *Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turath al-'Arabī).
5. Al-Albanī, Muhammad Nāsir al-Dīn bin al-Ḥāj Nūḥ Abū 'Abd al-Raḥmān al-Ashqūdārī al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah wa Shai'in min Fiqhiha wa Fawā'iduha*, (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif, cetakan pertama, 1415H/1995).
6. Al-Baghawī, al-Ḥusain bin Mas'ūd Abū Muhammad al-Farrā' al-Syafī'ī, *Ma'ālim al-Tanzīl Fi Tafṣīr al-Qur'ān*, semakan 'Abd al-Razzāq al-Mahdī, (Beirut: Dār 'Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, cetakan pertama, 1420H).
7. Al-Bukhari, Muhammad bin Ismā'īl Abū 'Abdillah al-Ju'fi, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, semakan Muhammad Zuhair bin Nāsir al-Nāsir, (Dār Ṭūq al-Najāh, cetakan pertama, 1422H).
8. Al-Fairūz Ābādī, Muhammad bin Ya'qūb Abū Ṭāhir, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, semakan Maktab Taḥqīq al-Turāth Fi Mu'assasah al-Risālah, (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, cetakan kelapan, 1426H/ 2005).
9. Al-Ḥākim, Muhammad bin 'Abdillah Abū 'Abdillah al-Ḍibbī al-Naisābūrī, *al-Mustadrak 'Ala al-Ṣaḥīḥain*, semakan Muṣṭafā 'Abd al-Qādir 'Aṭa, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1411H/1990).
10. Al-Jauhari, Muhammad bin Abī Bakr Abū 'Abdillah al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ*, semakan Yūsuf al-Shaikh Muhammad, (Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, cetakan kelima, 1420H/ 1999).
11. Al-Mubārakfūrī, Ṣafiy al-Raḥmān, *al-Raḥīq al-Makhtūm*, (Riyadh: Dār al-Mu'ayyid, 1417H/1997).
12. Al-Nasa'i, Ahmad bin Shu'aib, Abū 'Abd al-Raḥmān, *Sunan al-Nasā'ī*, semakan 'Abd al-Fattāh Abū Ghuddah, (Ḥalab: Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah, 1406H/1986).
13. Al-Tirmizi, Muhammad bin 'Isā Abū 'Isā, *Sunan al-Tirmidhi*, semakan Aḥmad Muhammad Shākir, (Mesir: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1395H/1975).
14. Al-'Umari, Akram Dhiyā', *al-Sīrah al-Nabawiyyah al-Ṣaḥīḥah*, (Riyadh: Maktabah al-Obekan, cetakan kelima, 1424H/ 2003).
15. Dewan Bahasa dan Pustaka, <http://prpm.dbp.gov.my/>.

16. Ibnu al-Mulaqqin, ‘Umar bin ‘Alī Abū Hafṣ al-Syāfi‘ī al-Miṣrī, *al-Badr al-Munīr fī Takhrīj al-Aḥādīth wa al-Āthār al-Wāqi‘ah fī al-Sharḥ al-Kabīr*, semakan Muṣṭafā Abū al-Ghaith, ‘Abdullah bin Sulaimān dan Yāsir bin Kamāl, (Riyadh: Dār al-Hijrah, cetakan pertama, 1425H/2004).
17. Ibnu al-Mulaqqin, ‘Umar bin ‘Alī Abū Hafṣ al-Syāfi‘ī al-Miṣrī, *Tuḥfah al-Muḥtāj Ilā Adillah al-Minhāj*, semakan ‘Abdullah bin Sa‘‘āf al-Lihyānī, (Mekah: Dār Ḥirā’, cetakan pertama, 1406H).
18. Ibnu al-Qayyim, Muhammad bin Abī Bakr al-Jauziyyah, *Zād al-Ma‘ād Fi Hady Khair al-‘Ibād*, (Beirut: al-Mu‘assasah al-Risālah; Kuwait: Maktabah al-Manār al-Islamiyyah, cetakan kedua puluh tujuh, 1415H/1994).
19. Ibnu Hajar, Aḥmad bin ‘Alī Abū al-Fadhl al-‘Asqalānī, *Al-Talkhiṣ al-Ḥabīr Fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi‘ī al-Kabīr*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, cetakan pertama, 1419H/1989).
20. Ibnu Hajar, Aḥmad bin ‘Alī Abū al-Fadhl al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, semakan Muhammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī, (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1379).
21. Ibnu Hajar, Aḥmad bin ‘Alī Abū al-Fadhl al-‘Asqalānī, *Iḥṣāf al-Maharah bi –al-Fawā’id al-Mubtakarah min Aṭrāf al-‘Asharah*, semakan Dr. Zuhair bin Nāṣir al-Nāṣir, (Madinah: Mujamma‘ al-Malik Fahd dan Markaz Khidmah al-Sunnah wa al-Sīrah al-Nabawiyyah, cetakan pertama, 1415H/1994).
22. Ibnu Kathir, ‘Ismā‘īl bin ‘Umar Abū al-Fidā’ al-Qurashī al-Baṣrī, *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Adzim*, semakan Sāmī bin Muhammad Salāmah, (Dār Ṭaibah, cetakan kedua, 1420H/1999).
23. Ibnu Khuzaimah, Muhammad bin Ishāq Abū Bakr al-Silmī al-Naisābūrī, *Ṣaḥīḥ Ibnu Khuzaimah*, semakan Dr. Muhammad Muṣṭafā al-A‘dhamī, (al-Maktab al-Islāmī, cetakan ketiga, 1424H/2003).
24. Ibnu Majah, Muhammad bin Yazīd Abū ‘Abdillah al-Qazwīnī, *Sunan Ibnu Mājah*, semakan Muhammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī, (Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah/ Faiṣal ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī).
25. Kumpulan pengkaji, di bawah bimbingan Shaikh ‘Alawī bin ‘Abd al-Qādir al-Saqqāf, *al-Mausū‘ah al-Fiqhiyyah*, (Dorar.net, 1433H).
26. Mubārakfūrī, Muhammad Ashraf bin ‘Amīr Abū ‘Abd al-Raḥman, *‘Aun al-Ma‘būd Sharḥ Sunan Abī Dawūd*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, cetakan kedua, 1415H).
27. Muslim, bin al-Ḥajjāj Abū al-Ḥasan al-Qushairī al-Naisābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, semakan Muhammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī, (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī).
28. *Sinar Harian*, 14 Oktober 2014, <http://www.sinarharian.com.my/global/pelancongan-angkasa-lepas-1.324463>.
29. UNWTO, United Nations World Tourism Organization, *Technical Manual No. 2, Collection of Tourism Expenditure Statistics, 1995*, (UNWTO, 1995).
30. *Utusan Online*, 25 November 2013, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Luar\\_Negara/20131125/lu\\_05/Pelancongan-angkasa-lepas-tawar-pengalaman-menarik](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Luar_Negara/20131125/lu_05/Pelancongan-angkasa-lepas-tawar-pengalaman-menarik).